

09/04/2001

Kelembapan ekonomi AS tidak jejas Malaysia

BAGAN DATOH, Ahad - Malaysia dijangka tidak menerima kesan besar daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) kerana kerajaan sudah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan pakej merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pakej merangsang pertumbuhan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini adalah yang terbaik bagi mengekang kesan kegawatan berkenaan.

Menurutnya, persediaan awal untuk mengelakkan kesan yang besar itu perlu kerana Malaysia adalah antara negara pedagang terbesar di dunia, iaitu menduduki tempat ke-14.

"Langkah segera kerajaan menyediakan pakej rangsangan ekonomi, termasuk menggalakkan perbelanjaan dikalangan rakyat adalah sesuatu yang wajar dilakukan untuk merancak dan menstabilkan kedudukan ekonomi negara.

"Bantuan kepada sektor perniagaan melalui pengeluaran geran turut diberi keutamaan bagi memantapkan kegiatan perniagaan domestik, selain subsidi serta bantuan kepada petani dan pekebun kecil getah serta peniaga supaya kesan kelembapan ekonomi tidak begitu terasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Bagan Datoh di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata, berdasarkan pendekatan itu kerajaan yakin dapat mempertahankan kadar pertumbuhan ekonomi negara antara enam dan tujuh peratus tahun ini.

Katanya, langkah itu dibuat secara tersusun melalui kerangka kerja rapi selepas kerajaan mengambil iktibar daripada pengalaman daripada kegawatan lalu.

Menurutnya, kerajaan yakin pakej rangsangan ekonomi itu akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik negara.

(END)